

Qalam

Nombor 47 – Jun 1954 Syawal 1373 – 60 sen

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

*Allāhuakbar Allāhuakbar Allāhuakbar; La ila ha illa Allāh ,
Allāhuakbar Allāhuakbar walillāhilḥam .*

Demikian takbir umat Islam di segenap pelusuk dunia menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan sepenuh-penuh sukaria setelah menempuh ujian dan penderitaan puasa sebulan genap, mudah-mudahan sekalian kita dapat hendaknya pengajaran yang menginsafkan daripada ibadah puasa yang mulia itu dan dapat memberi bantuan sebagaimana yang sepatutnya kepada saudara-saudara kita yang menderita . Janda-janda dan anak-anak yatim yang tidak sayogianya dilupakan .

Pada hari yang mulia ini, kita mengambil peluang membaharu azam bagi menghadapi masa depan dengan semangat yang teguh dan langkah yang lebih teratur pada meneruskan khidmat kita kerana kebajikan bangsa, agama, dan tanah air yang dikasihi dengan tidak melupakan mengucapkan ‘Selamat Berhari Raya ‘ kepada pembaca-pembaca, penulis-penulis, dan tuan puan iklan yang telah bekerjasama menjadikan penerbitan kita. Kita berharap ingatan mahabbah dan kerjasama yang cemerlang itu akan berkekalan terus-menerus.

Sebenarnya hari raya yang mulia ini sangat besar ertinya kepada “Qalam” kerana selain daripada menjadi hari raya yang berbahagia dan dihormati ialah juga hari ulang tahun yang kelima bagi majalah Qalam. Qalam telah dilancarkan naskah sulungnya pada 1 Syawal 1369 (Julai 1950) yang bermakna dengan

bilangan ini genaplah usia Qalam tahunnya yang keempat dan mulai meningkat dalam tahunnya yang kelima .

Syukur kepada Tuhan Azza Wa Jalla atas kejayaan yang kita dapati ini meskipun Qalam telah menempuh gelora ancaman dan gangguan serta fitnah pun yang dihebahkan kesan kemari oleh golongan yang tidak sefaham dengan kita tetapi semuanya itu tidak mematahkan azam kita daripada meneruskan khidmat menurut dasar kita semenjak Qalam dilancarkan dahulu dan sebagaimana yang tertulis didalam naskah sulungnya iaitu:

“Tujuan kita menerbitkan majalah Qalam bukanlah tujuan hendak bertanding yang bukanlah hendak berlawan dan bukanlah pula hendak mencari perseteruan bahkan ialah kerana hendak menambah satu lagi roda kemajuan di dalam persuratan Melayu dan hendak merapatkan lagi silaturrahim di antara Qalam dengan orang-orang kenalan dan sahabat handai yang dicintakan Sahabat-sahabat baru supaya bertambah-tambah kuatlah kelak perdirian Syarikat Qalam berkhidmat kepada agama , bangsa dan tanah air.”

Demikianlah azam kita dan sekali lagi kita Ucapkan Selamat Hari Raya AidilFitri *minā al- ‘ā’ dīna al-fā’ izīn al-maqbūlīn – Kullu ‘ām wa antum bikhayri* kepada kaum muslimin Alam Melayu khasnya dan dunia amnya, dengan tidak melupai meminta maaf pada hari baik bulan baik ini akan segala salah silap kita zahir batin, kerana manusia itu tidak sunyi daripada salah silap, dan hanyalah Allah jua yang kamil sempurna – *Lāna al- ‘iṣmah Allāh waḥdah.*